Prospek Makroekonomi

SOROTAN PENTING

- **Ekonomi global dijangka berkembang pada kadar pertumbuhan yang lebih pantas pada tahun 2018, disokong oleh pertumbuhan berterusan dalam ekonomi maju dan peningkatan dalam ekonomi sedang pesat membangun.**
- **Ekonomi Malaysia dijangka terus menggalakkan pada tahun 2018.**
- **Inflasi dijangka menurun pada masa akan datang disebabkan terutamanya oleh sumbangan yang lebih kecil daripada faktor kos global dan nilai ringgit yang lebih kukuh berbanding dengan tahun 2017.**

Pertumbuhan global berkembang pada kadar lebih pantas

Prestasi mantap ekonomi global yang berterusan pada suku keempat 2017 menunjukkan bahawa kadar pertumbuhan semasa dijangka berterusan sehingga tahun 2018. Lebih-lebih lagi apabila IMF menaikkan semula unjuran pertumbuhan global bagi tahun 2018 untuk kali ketiga dalam *World Economic Outlook Update* yang diterbitkan pada Januari 2018.

Prospek ini disokong oleh jangkaan pertumbuhan segerak yang berterusan dalam kedua-dua ekonomi maju dan sedang pesat membangun. Dalam ekonomi maju, penunjuk ekonomi utama seperti indeks pengurus pembelian (PMI), pesanan pengilang dan kaji selidik hasrat perbelanjaan modal menunjukkan perbelanjaan perniagaan oleh syarikat dan firma yang lebih kecil terus bertambah. Aktiviti ekonomi dijangka terus disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan, akses kepada pembiayaan yang berterusan dan pelaksanaan dasar yang mendorong pertumbuhan. Di Amerika Syarikat, kelulusan Akta Potongan Cukai dan Pekerjaan pada Disember 2017 dijangka memberikan dorongan tambahan kepada permintaan dalam negeri, dengan limpahan positif ke seluruh dunia. Permintaan luaran yang kukuh akan terus memberikan manfaat kepada ekonomi Asia. Selain itu, langkah-langkah fiskal yang diumumkan baru-baru ini, termasuk perbelanjaan infrastruktur yang lebih tinggi, akan membantu mengukuhkan permintaan dalam negeri dalam beberapa ekonomi serantau.

Pertumbuhan diunjurkan bertambah baik merentas rantau

Rajah 33: Pertumbuhan KDNK



Sumber: Prospek Ekonomi Dunia Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) (Oktober 2017)

Penunjuk utama menyarankan ekonomi dalam negeri terus berkembang

Rajah 34: Indeks Pelopor Komposit



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sentimen perniagaan kekal melebihi had keyakinan pada S4 2017

Rajah 35: Indeks Keadaan Perniagaan MIER



Sumber: Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)

Risiko terhadap prospek pertumbuhan kini lebih seimbang. Risiko ramalan pertumbuhan menjadi lebih tinggi termasuklah pertumbuhan pelaburan yang lebih tinggi daripada jangkaan disebabkan oleh pemotongan cukai di Amerika Syarikat, pertumbuhan gaji yang lebih tinggi dalam ekonomi maju serta pengembangan kitaran teknologi global yang berterusan. Sebaliknya, risiko prospek pertumbuhan menjadi lebih rendah adalah terutamanya hasil daripada ketidakpastian mengenai masa, kadar kecepatan dan magnitud pelarasan dasar monetari ke paras yang wajar dalam ekonomi utama, sekiranya tekanan inflasi dan pertumbuhan gaji yang lebih tinggi, risiko akibat peningkatan perlindungan perdagangan yang berpanjangan dan risiko politik yang masih ada di sesetengah negara Eropah. Ketegangan geopolitik yang secara tiba-tiba meningkat, pembetulan ketara dalam pasaran kewangan global dan aliran modal keluar semula dalam jumlah yang besar dari pasaran sedang pesat membangun meningkatkan risiko prospek pertumbuhan global menjadi lebih perlahan.

Ekonomi Malaysia dijangka terus mencatat pertumbuhan yang menggalakkan pada tahun 2018

Malaysia mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 5.9% pada tahun 2017 (2016: 4.2%). Bagi tahun 2018, pertumbuhan dijangka terus menggalakkan dengan permintaan dalam negeri terus menjadi pemacu utama pertumbuhan. Momentum pertumbuhan positif akan terus mendapat manfaat daripada pertumbuhan global yang lebih baik ke atas aktiviti ekonomi dalam negeri.

Indeks pelopor komposit Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan peningkatan yang berterusan sejak tempoh kebelakangan ini. Indeks Keadaan Perniagaan MIER juga menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Secara keseluruhannya, penilaian yang dibuat menunjukkan pertumbuhan dijangka kekal kukuh pada tahun 2018.

Dari segi penawaran, sektor perkilangan dan perkhidmatan dijangka mendapat manfaat daripada pertumbuhan yang berterusan merentas subsektor berorientasikan dalam negeri dan eksport. Pertumbuhan sektor pertanian akan didorong oleh kadar hasil MSM yang terus meningkat dan jumlah bilangan pokok kelapa sawit yang mencapai tempoh matang. Pertumbuhan dalam sektor perlombongan akan disokong oleh pengeluaran yang lebih tinggi daripada loji pengeluaran baharu minyak dan gas. Dalam sektor pembinaan, pertumbuhan akan disokong terutamanya oleh projek kejuruteraan awam baharu dan sedia ada.

Pada masa akan datang, inflasi dijangka menurun disebabkan terutamanya oleh sumbangan lebih kecil daripada faktor kos global dan nilai ringgit yang lebih kukuh berbanding dengan tahun 2017

Walaupun harga minyak dunia dijangka lebih tinggi pada tahun 2018, magnitud kenaikan tersebut berkemungkinan lebih kecil berbanding dengan tahun 2017. Kesan harga minyak global yang lebih tinggi terhadap harga bahan api dalam negeri juga akan diimbangi sebahagiannya oleh kadar pertukaran ringgit yang lebih kukuh. Oleh itu, sumbangan harga bahan api dalam negeri kepada inflasi keseluruhan pada tahun 2018 akan menjadi lebih kecil, lantas menyebabkan penurunan dalam inflasi keseluruhan.

Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, dijangka menurun berikutan jangkaan limpahan yang lebih kecil daripada faktor kos luaran dan dalam negeri serta nilai ringgit yang lebih kukuh. Tekanan menaik daripada keadaan permintaan yang teguh akan dibendung oleh kapasiti lebihan yang berterusan dalam pasaran pekerja dan juga pelaburan yang berterusan bagi pengembangan kapasiti.

Bagi tahun 2018 secara keseluruhan, meskipun inflasi dijangka sederhana, trajektori inflasi akan terus bergantung pada trend harga minyak dunia yang sangat tidak menentu.